

14 JUN 2001

Majlis-Mahathir

MAJLIS EKONOMI ISLAM MAHU MAHATHIR KEKAL SEBAGAI MENTERI KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Majlis Ekonomi Islam Malaysia hari ini menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya terus kekalkan jawatan Menteri Kewangan.

Pengerusinya Senator Datuk Haji Abdul Aziz Abdul Rahman berkata, Dr Mahathir perlu terus menerajui Kementerian Kewangan terutamanya bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8).

"Dr Mahathir cuma perlu melantik Menteri Kewangan Kedua untuk membantunya dalam tugas-tugas di Kementerian Kewangan," katanya.

Dr Mahathir kini menjalankan tugas Menteri Kewangan selepas Tun Daim Zainuddin meletakkan jawatan pada 1 Jun lepas.

Pengaruh dan karisma Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan juga diperlukan bagi menyatupadukan seluruh komuniti kepimpinan ekonomi Islam dunia untuk menangkis segala ancaman arus globalisasi.

"Majlis Ekonomi Islam Malaysia telah mengambil ketetapan selagi isu-isu memartabatkan kedudukan ekonomi umat Islam belum selesai, kami menggesa, mendesak dan mencadangkan supaya Dr Mahathir kekal memegang jawatan Menteri Kewangan Malaysia di samping jawatan Perdana Menteri," katanya pada sidang media di sini.

Majlis Ekonomi Islam Malaysia yang ditubuhkan semalam, adalah sebuah permuafakatan strategik enam badan yang terdiri daripada Kongres Profesional Muslim Malaysia, Yayasan Pembangunan Ekonomi Belia, Yayasan Pelajar Islam Malaysia, Yayasan Azam Wanita, Yayasan Keusahawanan Islam dan Institut Kajian Perundangan.

Abdul Aziz yang juga pengerusi Yayasan Keusahawanan Islam berkata, majlis itu akan menyampaikan gesaannya itu secara rasmi kepada Dr Mahathir sebelum 19 Jun ini dan mengajak badan-badan lain turut membuat gesaan yang sama kepada Perdana Menteri.

"Kita turut menyeru para perwakilan ke perhimpunan agung Umno nanti supaya mengemukakan usul khas dan meluluskan resolusi mendesak Dr Mahathir terus kekal sebagai Menteri Kewangan," katanya.

Abdul Aziz berkata, majlis itu yang ditubuhkan dengan matlamat antara lainnya untuk menjana idea kreatif dan inovatif bagi mengangkat martabat ekonomi umat Islam dalam konteks masyarakat majmuk, sedang menyediakan "blueprint" bagi beberapa projek perintisnya di negara ini.

Abdul Aziz meminta badan-badan Islam lain di negara ini supaya menyertai majlis itu dan mereka yang berminat boleh menghubungi Yayasan Keusahawanan Islam, No.14, Jalan Wangsa Setia 4, Wangsa Melawati, 53300 Setapak, tel: 41436916, faks: 41436351, URL: <http://www.leadersguide.com>.

-- BERNAMA

AFY AHH PR